

# Jawapan isu kritikan Dr Mahathir memadai

## Penjelasan pemberian AP di Dewan Rakyat mencukupi

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad dan Jalal Ali Abd Rahim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa lagi sekiranya pihak yang mengkritik pentadbirannya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberi.

"Kita beri penerangan sebaik-baiknya. Kalau ada mana-mana pihak yang tak senang hati lagi, termasuk Tun (Dr Mahathir Mohamad)... apa boleh kita buat, tapi kita akan beri penjelasan sepenuhnya mengenai perkara yang timbul," katanya.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti di sini, semalam.

Baru-baru ini, kerajaan pimpinan Abdullah dibidas bekas Perdana Menteri termasuk berkaitan isu permit import (AP) dan pembatalan projek pembinaan jambatan mengantikan Tambak Johor.

Minggu lalu, Abdullah berkata, persoalan dibangkitkan Dr Mahathir akan diberi penjelasan terperinci sama ada melalui dokumen lengkap dengan rujukan atau dalam bentuk risalah.

Butir mengenai isu itu berserta huraian akan dikeluarkan oleh kementerian dan agensi berkaitan.

Ditanya sama ada MT akan menemui Dr Mahathir bagi menyelesaikan isu yang dibangkitkan, Abdullah berkata mesyuarat MT tidak membuat keputusan mengenai itu.


Abdullah turut menegaskan tidak wujud perpecahan dalam Umno ekoran kritikan Dr Mahathir.

Katanya, MT juga tidak ada membincangkan mengenai pemilihan parti pada perhimpuran agung parti tahun depan.

Perdana Menteri mahu ahli MT sama ada yang memegang jawatan pada peringkat kerajaan Pusat atau negeri menjalankan tugas dengan baik supaya rakyat tidak kecewa selepas kerajaan diberi mandat besar pada pilihan raya umum lalu.

"MT bincang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan semua bersetuju untuk memastikan rancangan yang sudah dikenal pasti, dilaksanakan dengan sebaiknya," katanya.

Pada mesyuarat MT itu, katanya,



BERI PENJELASAN: Abdullah dan Najib ketika sidang media selepas mesyuarat MT Umno di Kuala Lumpur, semalam.

beliau juga menerangkan mengenai kedudukan ekonomi negara yang baik dan mempunyai kewangan untuk melaksanakan projek RMK-9.

Abdullah berkata, MT turut membincangkan perkara berkaitan mesyuarat cawangan parti dan mahu Badan Perhubungan Umno negeri memastikan mesyuarat berjalan lancar mengikut perlembagaan parti.

Katanya, MT juga mengucapkan terima kasih kepada Umno Johor yang menjadi tuan rumah sambutan ulang tahun perayaan Umno ke-60, bulan lalu.

Selain itu, MT mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional (BN) Sarawak yang mencapai kemena-

ngan majoriti lebih dua pertiga pada pilihan raya negeri lalu dan terima kasih kepada ahli parti yang membantu kempen pilih raya itu.

Katanya, keputusan pilihan raya itu perlu dikaji sebaik-baiknya dan tindakan sewajarnya diambil.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kementeriannya tidak akan menyediakan maklumat tambahan dalam memberi penjelasan berhubung isu AP yang dibangkitkan Dr Mahathir.

"Mengenai AP kita sudah beri penjelasan di Parlimen dan Perhimpunan Agung (Umno), kita tidak ada apa-apa lagi yang nak ditam-

bah. Bagaimanapun, kita akan pergi ke akar umbi untuk beri penjelasan.

"Kita akan beri penjelasan tetapi jika nak buat secara formal, kita boleh beri maklumat sama, tak ada apa yang nak ditambah lagi, malah saya sendiri sebelum ini sudah menulis surat menjelaskan perkara itu kepada Dr Mahathir," katanya ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat MT Umno.

Ditanya sama ada mesyuarat MT ada berbincang meminta Dr Mahathir keluar daripada Umno, Rafidah berkata: "Tak ada apa-apa mengenainya, apa yang Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kata, itu yang kita bincangkan."